



RADIN Umar (dua dari kiri) bersalaman dengan Mohd Isa dalam majlis MoU Dana Wakaf Ilmu UPM.

UPM memeterai MoU dengan MAIS

Oleh Noor Eszereen Juferi
bhvarsiti@bharian.com.my

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi memastikan kelancaran pengurusan Dana Wakaf Ilmu UPM.

MoU itu ditandatangani Naib Canselor UPM, Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi mewakili UPM, manakala MAIS pula diwakili Pengerusinya, Datuk Mohamad Azib Mohd Isa.

Dalam ucapannya, Prof Radin Umar berkata, Dana Wakaf Ilmu UPM ialah mekanisme pelbagai guna kepada universiti bagi menambahkan dana untuk membangunkan kapasiti dan sumber dimiliki.

"Dana itu boleh digunakan untuk memberikan tahap pendidikan

terbaik kepada pelajar dan setiap dana Infaq dan wakaf ilmu, sama ada wakaf am atau khas, akan digunakan dalam urusan penyediaan fasiliti serta prasarana untuk aktiviti keilmuan.

"Antaranya, ia boleh digunakan bagi program pengajaran dan pembelajaran, aktiviti dakwah dan pengimaran, penyelidikan dan inovasi (R&D), serta khidmat komuniti," katanya.

Sementara itu, Mohamad Azib, berkata dana berkenaan ialah satu amalan jariah berbentuk kekal dan akan mendapat ganjaran pahala berterusan.

Melalui kerjasama itu, satu Akad Khas Dana Wakaf Ilmu UPM diwujudkan dan Jawatankuasa Syariah Dana Wakaf Ilmu UPM dan Jawatankuasa Dana Wakaf Ilmu UPM ditubuhkan.